



22 SEP, 2025

Pembangking sengaja putar belit fakta, raih keuntungan politik: Masiung

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Pembangking sengaja putar belit fakta, raih keuntungan politik: Masiung

KOTA KINABALU: Naib Presiden Gagasan Rakyat Datuk Masiung Banah (gambar) berkata pembangking sengaja memutarbelitkan fakta mengenai isu infrastruktur untuk meraih keuntungan politik dan simpati rakyat menjelang pilihan raya negeri.

Beliau berkata pemimpin pembangking tidak adil menyalahkan Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor terhadap masalah jalan raya, bekalan air dan elektrik yang sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.

"Pembangking sedang menyebarkan kebencian terhadap kerajaan Gabungan



Rakyat Sabah (GRS) berhubung tiga isu ini sedangkan kritikan sepatutnya ditujukan kepada Kerajaan Persekutuan," kata Masiung dalam satu kenyataan di sini, Ahad.

Beliau menuduh aktivis pembangking memutarbelitkan fakta untuk keuntungan politik khususnya menjelang Pilihan Raya Negeri ke-17 walaupun mereka sendiri berdepan cabaran sama ketika berkuasa dahulu.

"Mereka menjual cerita seolah-olah tiga isu utama negeri ini berada di bawah bidang kuasa Persekutuan, namun mereka sendiri sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan," katanya.

Masiung menegaskan kebanyakan jalan rosak di Sabah adalah jalan Persekutuan di bawah bidang kuasa Putrajaya manakala isu elektrik pula terletak di bawah Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Apabila berlaku gangguan elektrik, mereka menyalahkan Hajiji, sedangkan hakikatnya Sabah Electricity adalah anak syarikat TNB di bawah pemilikan Persekutuan. Kerajaan Negeri hanya memiliki 18 peratus saham dalam Sabah Electricity dan tidak mempunyai kuasa mutlak," jelasnya.

Mengenai masalah bekalan air, Masiung berkata ia berpunca daripada keputusan Kerajaan Negeri terdahulu yang menamatkan kontrak syarikat konsesi air kononnya untuk menjimatkan kos.

Namun sebaliknya, kos air meningkat akibat kehilangan kepakaran daripada syarikat konsesi, sekali gus memaksa Kerajaan Negeri sekarang membayar RM300 juta kepada syarikat terbabit termasuk pampasan penamatan kontrak lebih awal.

Walaupun berdepan cabaran, Masiung mempertahankan kepimpinan Hajiji den-

gan berkata beliau telah menyaksikan tiga kerajaan negeri yang berbeza dan pencapaian Ketua Menteri sekarang mengatasi pentadbiran terdahulu.

Katanya, rizab negeri mencecah RM8.08 bilion dalam tempoh empat tahun pertama, tertinggi dalam sejarah Sabah manakala hasil negeri meningkat lebih RM7 bilion, satu rekod yang belum pernah dicapai.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kuamut itu berkata kerajaan GRS kini sedang menjalin kerjasama dua hala dengan Kerajaan Persekutuan bagi menangani tiga isu infrastruktur tersebut.

Baru-baru ini, sekumpulan wakil Pakatan Harapan Sabah bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memohon peruntukan tambahan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah jalan raya, elektrik dan air di negeri ini.